



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA / 5 MAC 2019

- 1. AIR 3 EMPANGAN MADA CUKUP**
 - **BERITA HARIAN**

- 2. TAKUNGAN AIR DI TIGA EMPANGAN MADA MENCUKUPI**
 - **KOSMO**

- 3. BEKALAN AIR CUKUP, WALAU CUACA PANAS : MADA**
 - **SINAR HARIAN**

- 4. SOWING SEED OF GOOD DURIAN**
 - **THE STAR**

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 5 MAC 2019

PERKARA : EMPANGAN MADA

Selasa, 5 Mac 2019 BH

(FOTO SHAHRIZAL MD NOOR/BH)



Foto 24 Februari lalu menunjukkan tali air yang digunakan pesawah MADA hampir kering di Kampung Tempayan Pecah berikutan fenomena cuaca panas yang melanda negara.

Air 3 empangan MADA cukup

➔ Paras tahap selesa walaupun dilanda cuaca panas

► Alor Setar

Kadar takungan air di tiga empangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) masih mencukupi bagi tujuan penanaman padi bagi musim 1/2019 di wilayah tanamannya di negeri ini dan Perlis yang akan bermula bulan hadapan.

Pengurus Besar MADA, Datuk Fouzi Ali, berkata walaupun negara dilanda cuaca panas paras air di tiga empangan itu iaitu

Empangan Pedu, Empangan Muda dan Empangan Ahning masih berada pada tahap selesa melebihi 54 hingga 81 peratus.

"Sehingga semalam, kedudukan takungan di Empangan Pedu sebanyak 877.74 juta meter padu (81.32 peratus), Empangan Muda 84.19 juta meter padu (54.60 peratus) dan Empangan Ahning 197.82 juta meter padu (71.93 peratus).

"Kedudukan ini jauh lebih baik berbanding kedudukan takungan terendah pada tempoh sama 2017 di mana takungan air bagi Empangan Pedu pada kadar 645.58 juta meter padu (59.1 peratus), Empangan Muda 47 juta meter padu (30.48 peratus) dan Empangan Ahning pada kadar 163.39 juta meter padu (59.42 peratus)," katanya dalam ke-

nyataan di sini, semalam.

Jadual penanaman dilewatkan

Beliau turut memaklumkan bahawa jadual penanaman padi musim 1/2019 terpaksa dilewatkan berbanding musim-musim sebelum ini, setelah mengambil kira amalan penentuan musim dan turunan hujan.

"Pihak MADA telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Bekalan Air dan Penanaman Padi pada 24 Februari lalu untuk perbincangan bersama dengan semua pemimpin peladang yang terbabit dan hasil daripada mesyuarat itu telah diputuskan bahawa Jadual Penanaman Padi dan bekalan air bagi Fasa 1 adalah pada 17 April, Fasa 2 pada 1 Mei dan Fasa 3 pada 15 Mei," katanya.

Beliau juga yakin dengan pelaksanaan sistem kualiti MS ISO 9001:2015 dalam pengendalian sistem pengurusan air, MADA dapat menguruskan pengairan tanaman padinya dengan lebih baik bagi musim ini.

"Kita menjangkakan hanya memerlukan 45 peratus sokongan air daripada empangan dan selebihnya akan ditampung oleh air hujan, aliran sungai dan pam guna semula," katanya.

Beliau juga menyarankan petani mengambil peluang cuaca panas dan kering untuk membuat kerja persediaan tanah termasuk putaran kering serta perancangan penanaman padi yang teliti untuk pengurusan ladang yang baik, sekali gus dapat memberi pulangan hasil yang tinggi.

BERNAMA

KERATAN AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 5 MAC 2019

PERKARA : EMPANGAN MADA

Takungan air di tiga empangan MADA mencukupi



PARAS air di Empangan Pedu masih berada pada tahap selesa.
- Gambar hiasan

ALOR SETAR - Kadar takungan air di tiga empangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) masih mencukupi bagi tujuan penanaman padi pada musim 1/2019 di wilayah tanamannya di negeri ini dan Perlis yang akan bermula bulan hadapan.

Pengurus Besar MADA, Datuk Fouzi Ali berkata, walaupun negara dilanda cuaca panas, paras air di tiga empangan iaitu Empangan Pedu, Empangan Muda dan Empangan Ahning masih berada pada tahap selesa melebihi 54 hingga 81 peratus.

"Sehingga semalam (kelmarin), kedudukan takungan di Empangan Pedu sebanyak 87.74 juta meter padu (81.32 peratus), Empangan

Muda 84.19 juta meter padu (54.60 peratus) dan Empangan Ahning 197.82 juta meter padu (71.93 peratus).

"Kedudukan ini jauh lebih baik berbanding kedudukan takungan terendah pada tempoh sama 2017. Takungan air bagi Empangan Pedu pada kadar 645.58 juta meter padu (59.1 peratus), Empangan Muda 47 juta meter padu (80.48 peratus) dan Empangan Ahning pada kadar 163.39 juta meter padu (59.42 peratus)," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau turut memaklumkan bahawa jadual penanaman padi musim 1/2019 terpaksa diletakkan berbanding musim-musim sebelum ini, setelah mengambil kira

amalan penentuan musim dan turunan hujan.

"Pihak MADA telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Bekalan Air dan Penanaman Padi pada 24 Februari lalu untuk berbincang bersama semua pemimpin peladang yang terlibat. Hasil mesyuarat itu memutuskan bahawa Jadual Penanaman Padi dan bekalan air bagi Fasa 1 adalah pada 17 April, Fasa 2 pada 1 Mei dan Fasa 3 pada 15 Mei," katanya.

Beliau juga yakin dengan pelaksanaan sistem kualiti MS ISO 9001:2015 dalam pengendalian sistem pengurusan air, MADA dapat menguruskan pengairan tanaman padinya dengan lebih baik bagi musim ini. - Bernama

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 5 MAC 2019

PERKARA : EMPANGAN MADA

Bekalan air cukup, walau cuaca panas: MADA

ALOR SETAR - Bekalan air di tiga empangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) diyakini mencukupi untuk tujuan penanaman padi untuk musim 1/2019 bakal bermula April depan.

Pengurus Besar MADA Datuk Fouzi Ali berkata, bekalan air di setiap empangan di bawah pengurusan MADA adalah mencukupi bagi memulakan tanaman padi, walaupun cuaca panas melanda negara ketika ini.

Katanya, berdasarkan rekod sehingga 3 Mac, bekalan air di Empangan Pedu, Empangan Muda dan Empangan Ahning masih berada pada tahap selesa melebihi 54 hingga 81 peratus. "Kita mendapati kadar

takungan air di Empangan Pedu berada pada kadar 877.74 juta meter padu (81.32%), Empangan Muda pada kadar 84.19 juta meter padu (54.60%) dan Empangan Ahning pada kadar 197.82 juta meter padu (71.93%).

"Malah, kedudukan takungan ini jauh lebih baik berbanding kedudukan takungan terendah pada 2017, yang mana pada tarikh itu kedudukan takungan di Empangan Pedu pada kadar 645.58 juta meter padu (59.1%),



FOUZI

Empangan Muda 47 juta meter padu (30.48%) dan Empangan Ahning pada kadar 163.39 juta meter padu (59.42%," katanya.

Katanya, MADA yakin dengan pelaksanaan sistem kualiti MS ISO 9001:2015 dalam Pengendalian Sistem Pengurusan Air MADA, sekaligus dapat menguruskan pengairan tanaman padi dengan baik bagi Musim 1/2019.

"Pihaknya menjangkakan hanya memerlukan 45% sokongan

air daripada empangan dan selebihnya akan ditampung oleh turunan hujan, aliran sungai dan pam guna semula," katanya.

Dalam perkembangan sama, katanya, pihaknya telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Bekalan Air dan Penanaman Padi (MJBAPP) MADA Musim 1/2019 untuk perbincangan bersama dengan semua pemimpin peladang terlibat pada 24 Februari 2019 yang lalu.

Katanya, hasil mesyuarat memutuskan Jadual Penanaman Padi (JPP) MADA Musim 1/2019 bagi Tarikh Mula Bekalan Air untuk Fasa I adalah pada 17 April 2019, Fasa II pada 1 Mei 2019 dan Fasa III adalah pada 15 Mei 2019.

"Jadual Penanaman Padi MADA Musim 1/2019 telah dilewatkan sedikit permulaannya berbanding musim-musim terdahulu selepas mengambil kira bulan piama iaitu amalan penentuan musim dan turunan hujan yang diamalkan oleh petani pada masa dahulu," katanya.

Beliau berkata, selain itu, MADA turut mengambil kira ramalan turunan hujan yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia bagi pertengahan tahun pertama 2019.

Fouzi juga berkata, petani disarankan mengambil peluang ketika cuaca panas dan kering serta tempoh rehat panjang dengan melakukan kerja-kerja persediaan tanah.

KERATAN AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 5 MAC 2019

PERKARA : PERTANIAN

STARMETRO, TUESDAY 5 MARCH 2019



Azman Narudin (in blue) with Kedah Agricultural Department director Eliyas Saad (third, right) enjoying durians during the Durian Festival in Alor Setar. — Bernama

Sowing seeds of good durian

Kedah preparing for harvest of premium fruits for export in three years



Guests enjoying varieties of durian during the Durian Festival 2019 in Alor Setar. For a price of RM50 per adult and RM30 per child, they got to savour premium fruits such as Musang King, D24, D101 and Udang Merah among others.

KEDAH is set to export high-quality durians such as Musang King, Black Thorn (or chi) and D24 when its fruit farm projects in Kulim, Sik and Baling districts start producing yields in three years from now.

State Agriculture and Transportation, Agribased and Primary Industries Committee chairman Azman Nasrudin said that up till now, 30 farmers in the state had begun planting these types of durian species on 50 hectares of land since last year.

He said the project, conducted with monitoring and guidance from the state Agriculture Department, was expected to produce around 1,500 metric tonnes of durian per hectare, with each hectare estimated to produce as much as 30 metric tonnes of the king of fruits.

"Kulim, Sik and Baling districts were selected due to the appropriate soil and landforms there, apart from getting responsive farmers from Kubang Pasu, Padang Terap and Yan who want to cultivate these particular durian species," he said.

He was speaking to reporters after opening

“Kulim, Sik and Baling districts were selected due to the appropriate soil and landforms there, apart from getting responsive farmers from Kubang Pasu, Padang Terap and Yan who want to cultivate these particular durian species.”

Azman Nasrudin

the Durian Festival 2019 at the Darul Aman Stadium compound in Alor Setar, Kedah, on Saturday.

Meanwhile, Azman said the state govern-

ment welcomed orchard owners in Kedah to rehabilitate their land by switching to durian trees which received higher prices and demand.

He said the state Agriculture Department was ready to provide assistance to farmers through adult tree grafting.

By doing so, the trees would not take long to bear fruit and give high returns to farmers who had been dependent on village durians (durian kampung) that were sold cheap.

"This project is expected to rival Pahang which is now a major producer of high quality durian varieties.

"The Agriculture Department is willing to provide advisory services and guidance to farmers involved, with the hope of raising their income.

"We also want people to remember that if they want to eat Musang King durian, they can go to these three districts, because all this while whenever they mention Musang King, they would head on to Balik Pulau, Penang, to enjoy it," he said. — Bernama